

Headline:	Farhan is the new world champion				
Media Title:	Berita Harian (Mon-Sat)			Date:	2015-01-17
Section:	FrontPage	Page No:	01	Size:	33x11
Description:	At the Saphan Hin Sport Centre, Phuket, yesterday morning, the fourth child of former two times world champion and CEO of Singapore Silat Federation (Persisi), Sheik Farhan Sheik Alau'ddin finally walked out from his father's shadow when he became the world champion, defeating Vietnamese opponent, Mach Quoc Hung, 3-2 in the Class J (90-95 kg) final, winning the only gold medal for Singapore in the championship.				

► ISMAIL ALI  
ismai@sph.com.sg

SHEIK Farhan Sheik Alau'ddin mencapai juga cita-citanya - keluar daripada bayangan kejayaan bapanya dan mencatat nama dalam gelanggang silat dunia.


Di Gimnasium Pusat Sukan Saphan Hin, Phuket, pagi semalam, anak keempat bekas juara dunia dua kali dan Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi) itu memenangi gelaran juara dunia selepas mengalahkan pesilat Vietnam, Mach Quoc Hung, 3-2 dalam final Kelas J (90-95 kilogram), sekali gus memenangi pingat emas tunggal Singapura dalam kejohanan itu.

Awal dari itu, Sheik Farhan, 17 tahun, yang membuat penampilan sulung di Kejohanan Pencak Silat Sedunia, mengejutkan ramai dengan mengalahkan pesilat berpengalaman Malaysia dan pemenang pingat gangsa Sukan SEA 2011, Azrul Abdullah, 4-1 di separuh akhir.

"Saya berasa sangat gembira atas kejayaan ini. Saya sudah menanam azam bahawa saya tidak akan berpuas hati dengan tempat kedua. Saya sudah mengatakan bahawa saya mahu keluar daripada bayangan kejayaan bapa saya dan menjadi pesilat lebih baik daripada beliau.

"Hari ini saya berjaya menjadi juara dunia dan saya akan berusaha lebih gigih untuk menjadi lebih kompetitif dan mempertahankan kejuaraan dunia saya ini pada masa depan," jelas Sheik Farhan merujuk kepada kejayaan bapanya, Sheik Alau'ddin, menjadi juara dunia

## Farhan juara dunia baru



### LAWAN YANG TEWAS



**CAPAI CITA-CITA:** Sheik Farhan menunjukkan pingat emas yang dimenangkinya selepas mengalahkan pesilat lebih berpengalaman dari Vietnam, Mach Quoc Hung (atas), 3-2 dalam final. - Foto-Foto PERSISI

sebanyak dua kali pada 1990 dan 1994.

Namun, tumpuan pelajar tahun pertama Politeknik Nanyang setinggi 1.86 meter dan seberat 91 kilogram itu adalah bekerja keras bagi memastikan beliau terpilih dalam skuad Team Singapore dalam Sukan SEA Jun ini.

"Buat masa ini, nama saya tidak ada dalam senarai pendek skuad Sukan SEA. Apa yang boleh saya lakukan adalah bekerja keras mempertingkatkan kemampuan dan meyakinkan panel yang membuat pemilihan agar menyertakan nama saya," tambah Sheik Farhan, yang turut memenangi pingat emas kelas sama dalam Kejohanan Pencak Silat Sijori Kesembilan awal bulan lalu.

Mengulas strategi beliau menewaskan Mach, pesilat veteran Vietnam, Sheik Farhan, beliau berkata berasa ketinggalan dalam pusingan pertama tetapi bertambah yakin dalam pusingan kedua.

"Saya mula mengatasi beliau pada pusingan ketiga dengan mengikut arahan jurulatih supaya membuat pukulan dan tendangan lebih ketara untuk meyakinkan juri demi memperoleh mata kemenangan," ujar beliau.

Kejayaan Sheik Farhan mendapat perhatian Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong. "Tahniah kepada Sheik Farhan Sheik Alau'ddin yang baru sahaja memenangi pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia. Ia pencapaian hebat bagi seseorang yang baru sahaja pulih daripada kecederaan tulang kering dan yang membuat penampilan pertama dalam kejohanan itu," kata beliau dalam Facebook-nya. - Laporan lain Muka 23